

KEGUNAAN TEMPATAN

RANCANGAN

MAJLIS DAERAH

Majlis akan mengguna pakai semua peta cadangan, pelan-pelan berkaitan, kelas kegunaan tanah dan garis panduan di dalam proses kebenaran merancang supaya lebih sistematik, cepat dan efisien.

TUAN TANAH

Tuan tanah akan mengetahui jenis kegunaan tanah pada masa akan datang dan juga maklum tentang potensi dan jangkaan nilai tanah.

PEMAJU

Panduan untuk cadangan pembangunan yang terperinci serta garis panduan kawalan pembangunan.

AGENSI PELAKSANA

Memudahkan agensi – agensi kerajaan menyusun program – program pembangunan berkaitan dan meyelaras permohonan peruntukan kewangan mengikut fasa – fasa pembangunan.

SEMUA PENDUDUK

Mengetahui semua jenis guna tanah yang dicadangkan mengikut kawasan dan lokasi.

PERANAN ANDA

Anda diberi peluang untuk melibatkan diri dalam perancangan di kawasan anda.

MENGISI BORANG

Anda boleh mengemukakan pandangan secara bertulis / lisan dengan mengisi Borang Bantahan Awam yang disediakan .

Cadangan dan bantahan boleh diserahkan kepada pegawai pameran yang bertugas atau hantar borang tersebut ke alamat berikut sebelum atau pada 29 Disember 2011 :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TANAH
MERAH,
17500 TANAH MERAH,
KELANTAN DARUL NAIM.**

MENGHADIRI MESYUARAT

Anda boleh juga mengemukakan cadangan atau bantahan secara lisan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran. Untuk menghadiri mesyuarat tersebut anda dikehendaki mengisi Borang bantahan yang disediakan dan bersetuju untuk hadir ke mesyuarat tersebut.

PUBLISITI

Draf

RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN TANAH MERAH



Penduduk
Tahun 2010 : 116,880 orang
Tahun 2020 : 142,650 orang



Anjuran :



Majlis Daerah Tanah Merah

Dengan Kerjasama :

Pejabat Projek Zon Timur
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa
Semenanjung Malaysia



KAWASAN KAJIAN

Kawasan Rancangan Tempatan Jajahan Tanah Merah merangkumi **3 daerah** iaitu **Daerah Kusial, Ulu Kusial dan Jedok** dan melibatkan **15 mukim**.



Kawasan pentadbiran Jajahan Tanah Merah merangkumi keseluruhan pentadbiran

Majlis Daerah Tanah Merah :-

Kawasan Operasi - 5,634.02 hektar (6.49%)

Kawasan Kawalan - 81,125.98 hektar (93.51%)

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menterjemah dasar dan cadangan dalam Rancangan Struktur Negeri Kelantan (2005 – 2020) dan RT Tanah Merah .
2. Menyediakan Garis Panduan Perancangan dan kawalan pembangunan terperinci sehingga 2020.
3. Memelihara sumber alam semulajadi dan alam sekitar ke arah pembangunan mampan (Sustainable Development).
4. Menyediakan program pelaksanaan dan anggaran kos pembangunan.

PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN



★ PROSES YANG SEDANG BERJALAN

APAKAH RANCANGAN TEMPATAN

lanya adalah satu dokumen yang terkandung di dalamnya :-

- 1.Peta – peta cadangan guna tanah.
- 2.Penyataan – pernyataan Bertulis yang menerangkan sesuatu cadangan itu.
- 3.Pelan – pelan subjek seperti pelancongan, lalulintas, rekreasi dan lain – lain yang menerangkan cara bagaimana perincian cadangan – cadangan seterusnya dijalankan.
- 4.Pelan – pelan sisipan yang menerangkan melalui gambaran dan lakaran contoh – contoh pembangunan dihasratkan.
- 5.Kelas kegunaan tanah menyenaraikan aktiviti aktiviti yang dibenarkan atau yang dibenarkan dengan syarat atau yang tidak dibenarkan bagi sesuatu kawasan itu.
- 6.Garis panduan Pelaksanaan Projek.

TUJUAN RANCANGAN TEMPATAN

Mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa, 1976 (Akta 172), Rancangan Tempatan bertujuan antara lain untuk :-

- Memaju dan menggunakan tanah.
- Melindungi dan memperelok alam sekitar.
- Memperbaiki sistem komunikasi dan mengendalikan lalulintas.
- Mengadakan kawasan lapang.
- Memelihara topografi.